

28/09/1998

Malaysia pertahan hak (HL)

Shamshul Azree Shamsir: Jalal Ali Abdul Rahim
KUALA KANGSAR, Ahad - Malaysia akan menggunakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi mempertahankan hak jika negara asing mengenakan sekatan ekonomi berikutan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disifatkan melanggar hak asasi manusia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Malaysia sememangnya menjangka negara luar akan memberi pelbagai reaksi berhubung isu Anwar kerana hubungan baiknya dengan pemimpin negara lain, termasuk kuasa besar.

"Kita tahu pemimpin luar mempunyai pendapat bahawa segala keistimewaan yang diberi kepada kita boleh ditarik balik dan sekatan ekonomi boleh dikenakan kerana kita dianggap tidak mematuhi perkara seperti hak asasi manusia, demokrasi dan sebagainya.

"Tetapi bagi Malaysia, kita mempunyai rujukan dan sesiapa yang mengambil tindakan halangan perdagangan, kita akan bawa perkara itu kepada WTO," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan hak milik tanah kepada 64 penduduk tempatan dan sumbangan perisian komputer kepada 20 sekolah, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata, negara asing mungkin menggunakan isu pelucutan jawatan Anwar bagi mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara ini.

Anwar dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September lalu atas alasan mempunyai moral yang rendah. Beliau dipecat daripada Umno sehari selepas itu.

Ahad lalu, beliau ditahan polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana menganjurkan perhimpunan haram yang menyebabkan rusuhan sehingga menjejaskan ketenteraman awam.

Rafidah berkata, mana-mana negara luar tidak boleh sewenang-wenangnya mengenakan sekatan dan halangan perdagangan kepada negara lain kerana tindakan itu perlu dilakukan mengikut prosedur ditetapkan.

Menurutnya, tindakan seumpama lebih sukar dilaksanakan ke atas Malaysia kerana kerajaan negara ini bertindak memecat Anwar berdasarkan asas kukuh iaitu adanya bukti salah laku moral yang dilakukannya.

Sementara itu, Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata seluruh rakyat dan jentera kerajaan perlu menentang sebarang usaha mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia jika ia menjadi kenyataan.

"Kita tentang kalau betul ada negara asing mahu mengenakan sekatan ekonomi hanya kerana tidak bersetuju dengan pemecatan Anwar," katanya di Kajang, hari ini.

(END)